

## ANIMASI “OMAR & HANA” SEBAGAI MEDIUM PENYEBARAN GAYA HIDUP ISLAM KEPADA KANAK- KANAK

### *"OMAR & HANA" ANIMATION AS A MEDIUM FOR SPREADING THE ISLAMIC LIFESTYLE TO CHILDREN*

Nor Athirah binti Saiful Bahri<sup>1</sup>  
Nur Izzati binti Jemar @ Jamal<sup>2</sup>  
Syed Najihuddin bin Syed Hassan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: anisfarhana863@raudah.usim.edu.my )

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(Email: nur.izzati@raudah.usim.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my )

#### Article history

Received date : 7-8-2023  
Revised date : 8-8-2023  
Accepted date : 25-9-2023  
Published date : 15-10-2023

#### To cite this document:

Saiful Bahri, N. A., Jamal, N. I., & Syed Hassan, S. N. (2023). Animasi “Omar & Hana” sebagai medium penyebaran gaya hidup islam kepada kanak-kanak. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 29 - 41.

---

**Abstrak:** Animasi merupakan salah satu pemangkin dalam usaha penyebaran dakwah melalui pelbagai medium yang disediakan untuk menarik perhatian generasi muda khususnya kanak-kanak. Hal ini kerana, kanak-kanak pada era kini amatlah kurang diberi pendedahan dengan gaya hidup Islam. Walhal, kanak-kanak ialah kelompok yang tidak boleh dipencilkan dalam arena dakwah. Generasi muda yang terdidik dengan acuan yang betul mampu memberi corak yang positif terhadap pembangunan negara. Dapat kita lihat bahawa golongan kanak-kanak amat mudah terpengaruh dengan apa yang ditayangkan di media massa, misalnya animasi “Omar & Hana” yang banyak menyampaikan mesej-mesej dakwah seperti doa-doa dan amalan harian. Industri di negara kita memerlukan lebih banyak animasi bercorak Islam yang mewarnai dunia hiburan kanak-kanak supaya mereka terdidik dengan ajaran Islam yang sebenar dengan cara lebih menarik. Malah, ia satu cabang dakwah yang berkesan untuk menambat hati generasi muda atau kanak-kanak. Namun sejauh manakah kesesuaian kandungan mesej yang disampaikan dapat membantu mempengaruhi kanak-kanak untuk mengikuti corak hidup Islam yang disampaikan? Kajian ini bertujuan mengkaji elemen dakwah dalam animasi ‘Omar dan Hana’ mengenai gaya hidup Islam kepada generasi muda terutamanya kanak-kanak. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian perpustakaan, analisis video dan tinjauan melalui bahan-bahan rujukan seperti artikel dan internet. Hasil kajian ini mendapati elemen dakwah yang terdapat dalam animasi “Omar & Hana” mampu mempengaruhi pemikiran kanak-kanak terhadap kandungan corak hidup Islam yang disampaikan. Pihak penerbit animasi juga perlu memastikan kandungan cerita yang disampaikan adalah selari dengan syariat Islam. Kesimpulannya, kewujudan animasi dakwah seperti “Omar & Hana” pada hari ini banyak

menyebarkan kandungan dakwah yang bercorakkan gaya hidup Islam kepada generasi muda khususnya kanak-kanak, serta menjadikannya sebagai satu medium penyampaian dakwah Islam dengan panduan yang betul dan berkesan. Justeru, diharapkan kajian ini dapat menjadi manfaat dan menambah pengetahuan kepada masyarakat dalam membentuk generasi akan datang.

**Kata kunci:** *Dakwah, Animasi, Kanak-kanak, Generasi Muda, Gaya Hidup Islam*

**Abstract:** *Animation is one of the catalysts in spreading da'wah through various mediums prepared to attract the attention of the younger generation, especially children. This is because children in today's era are given less exposure to the Islamic lifestyle. However, children are a group that cannot be isolated in the preaching arena. A young generation that is educated with the right mold is able to give a positive pattern to the development of the country. We can see that children are easily influenced by what is shown in the mass media, for example the animation "Omar & Hana" which conveys a lot of preaching messages such as prayers and daily practices. The industry in our country needs more Islamic-themed animations that color the world of children's entertainment so that they are educated with the true teachings of Islam in a more interesting way. In fact, it is a branch of da'wah that is effective in capturing the hearts of the young generation or children. But to what extent is the appropriateness of the content of the message delivered to help influence children to follow the Islamic way of life that is delivered? This study aims to examine the elements of preaching in the animation 'Omar and Hana' about the Islamic lifestyle to the younger generation, especially children. The type of method used in this study is a qualitative method which is through library research, video analysis and survey through reference materials such as articles and the internet. The results of this study found that the da'wah elements found in the animation "Omar & Hana" are able to influence children's thinking about the content of the Islamic way of life that is presented. The animation producer also needs to ensure that the content of the story delivered is in line with Islamic Shari'a. In conclusion, the existence of da'wah animations such as "Omar & Hana" today spread a lot of da'wah content that has an Islamic lifestyle pattern to the young generation, especially children, as well as making it a medium for delivering Islamic da'wah with correct and effective guidance. Therefore, it is hoped that this study can be beneficial and add knowledge to the community in shaping the next generation.*

**Keywords:** *Da'wah, Animation, Children, New Generation, Islamic Lifestyle*

## **Pengenalan**

Media massa adalah salah satu sumber alat penyebaran maklumat yang luas serta membantu masyarakat untuk mendapatkan maklumat daripada luar dan dalam negara. Media massa dapat memberikan kesan positif. Namun sekiranya penggunaan media massa tidak di pantau dengan baik ianya akan mendatangkan kesan negatif kepada diri sendiri, masyarakat dan juga negara (Mohd Hamdan, 2015). Media massa elektronik seperti telefon bimbit dan televisyen adalah antara media yang paling berpengaruh dalam menarik minat golongan muda untuk mendapatkan maklumat yang bermanfaat. Tayangan media ini terdiri daripada hiburan, berita, iklan dan sebagainya. Hiburan adalah salah satu yang paling disukai dan banyak mendapatkan perhatian daripada pelbagai golongan umur.

Antara hiburan yang popular dalam kalangan masyarakat muda adalah filem animasi. Pada masa kini pelbagai program hiburan yang mudah untuk didapati contohnya adalah filem animasi. Filem animasi yang wujud bukan sahaja hiburan semata-mata, tetapi ada juga filem animasi yang memberikan unsur-unsur dakwah yang bertemakan keislaman (Arief & Ismi, 2018). Mereka akan mudah terpengaruh dengan apa yang mereka tonton contohnya animasi “Omar & Hana” sebagai medium penyebaran dakwah yang mampu memberikan impak dalam membentuk pemikiran dan akhlak masyarakat kini. Tambahan pula, animasi dakwah ini mampu mendedahkan gaya hidup Islam kepada golongan muda dengan memaparkan cerita-cerita pendek yang menarik.

Pendedahan awal kepada golongan kanak-kanak mengenai dakwah atau corak gaya hidup Islam amatlah penting. Hal ini kerana, anak-anak seperti kain putih ibu bapalah yang mencorakkannya. Jadi, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam memantau setiap gerak geri anak-anak mereka lukukan sebagai contoh mengawal penggunaan media massa atau hiburan dengan memberikan tontonan animasi yang berunsurkan dakwah yang mempunyai nilai-nilai moral Islam yang bersesuaian mengikut peringkat umur mereka.

Objektif kajian ini untuk mengkaji elemen dakwah yang terdapat dalam animasi ‘Omar dan Hana’ mengenai gaya hidup Islam kepada generasi muda terutamanya kepada golongan kanak-kanak. Serta, mengenal pasti kesesuaian animasi “Omar dan Hana” yang di tayangkan kepada golongan kanak-kanak agar dijadikan contoh dalam kehidupan harian mereka.

## **Kajian Literatur**

### **Elemen Dalam Animasi Dakwah**

Menurut Ulfa (2019), tujuan kajian yang dilakukan adalah untuk mendeskripsikan nilai-nilai pendidikan Islam dalam film Omar & Hana karya Astro Malaysia, dengan mengambil sampel episode Mulakan Dengan Bismillah, Misi Puasa, dan Jom Berkelah. Jenis penelitian yang digunakan adalah penelitian library research kemudian dianalisis dengan metod deskriptif dan teknik analisis data dengan pendekatan pragmatis. Hasil dari penelitiannya, nilai-nilai; pendidikan Islam yang terdapat di dalam film ini, diantaranya; 1) Pendidikan Akidah; mengucap Bismillah sebelum beraktiviti, sikap tenang dalam menghadapi ujian ujian, mengucapkan Alhamdulillah setelah beraktiviti. 2) Pendidikan Akhlak; sabar atas segala takdir Allah dan bersyukur atas nikmat Allah, berterima kasih kepada orang yang telah membantu kita, membantu orang tua sebagai bentuk Birrul Walidaini, berani mengakui kesalahan dan meminta maaf saat mengecewakan orang lain. 3) pendidikan Ibadah; puasa, solat berjemaah dan mengucapkan salam ketika masuk rumah.

Berdasarkan artikel yang dikaji oleh Aridlo (2020), dalam artikel tersebut, ia mendeskripsikan nilai akhlak mahmudah serta teknik penyampaian pesan akhlak mahmudah dalam filem animasi Omar dan Hana. Kaedah penelitian yang digunakan adalah kaedah penelitian kualitatif yang bersifat deskriptif dengan teknik pengumpulan data berupa dokumentasi. Hasil kajian mendapati bahawa film animasi Omar dan Hana mengandungi nilai akhlak, iaitu akhlak mahmudah. Nilai akhlak mahmudah yang terkandung adalah 1) sabar dalam episode ‘misi puasa, nak atuk nenek dan jom kita tolong’. 2) amanah dalam episode ‘jus viral’. 3) kasih sayang dalam episod ‘nak atuk nenek’. 4) jimat cermat dalam episod ‘air habis’. 5) menepati janji dalam episod ‘cantiknya bunga api’. 6) pemaaf dalam episod ‘cuci baju dulu’. 7) tolong menolong dalam episod ‘jom kita tolong’. 8) jujur dalam episod ‘cuci tangan dulu, kotak apa ini dan air habis’.

Nareswuri (2021) telah mengarang sebuah artikel yang bertujuan mambahaskan tentang nilai-nilai pendidikan akhlak yang terkandung dalam lirik lagu film animasi Omar dan Hana. Kajian tersebut menggunakan metod penelitian kualitatif, dengan jenis penelitiannya ialah perpustakaan atau library research. Hasil kajian analisis yang dilakukan, dapat disimpulkan bahawa nilai-nilai pendidikan akhlak yang terpuji kepada tiga kategori; 1) akhlak kepada Allah iaitu dengan bersyukur yang terdapat dalam lirik 'Misi Sedekah' serta beribadah kepada Allah yang terdapat dalam lirik lagu 'Orang Solat Hebat', 'Rukun Islam' dan 'Alif Ba Ta'. 2) akhlak kepada orang tua iaitu dengan menyayangi orang tua yang terdapat dalam lirik lagu berjudul 'Sayang Mama Papa', membantu orang tua yang terdapat dalam lirik lagu 'Tolong Mama Papa'. 3) akhlak kepada sesame sendiri, iaitu dengan bersikap baik kepada tetangga yang terdapat dalam lirik lagu 'Berbaik Kepada Jiran', saling memberi salam yang ada pada lirik 'Mari Beri Salam'. Selanjutnya bentuk kedua adalah pendidikan akhlak yang melarang untuk melakukan perbuatan tercela yang terbahagi kepada dua kategori; 1) akhlak kepada sesame, iaitu bertabaiyyun dalam lirik lagu 'Tabaiyyun'. 2) akhlak kepada diri sendiri, iaitu bersikap jujur yang terdapat dalam lirik lagu 'Jom Jujur', sifa amanah yang terdapat dalam lirik 'Amanah'.

### **Peranan Animasi Dakwah**

Satu kajian yang telah dibincangkan oleh Maulani (2019) bertujuan untuk menganalisis isi pesan edukasi daklam serial animasi Omar Dan Hana. Metod penelitian yang digunakan adalah jenis penelitian analisis isi deskriptif kualitatif. Hasil dari penelitian dan pembahasan yang dapat disimpulkan, dari segi kandungan pesan yang disampaikan oleh Omar & Hana bersifat persuatif, iaitu menghajak khalayak untuk berperilaku baik dan bermanfaat bagi diri sendiridan orang lain. Pada file mini juga terdapat beberapa pesan yang terarah kepada pesanan pembelajaran yang bertujuan untuk mengembangkan keperibadian, kecerdasan, mendidik dan mewujudkan proses pembelajaran yang lebih baik.

### **Pengaruh Animasi**

Sari dan Yaswinda (2022), telah mengkaji sebuah kajian yang bertujuan untuk mengetahui pengaruh film animasi terhadap kanak-kanak. Kajian ini dijalankan menggunakan metod kajian kuantitatif dalam bentuk quasi eksperimen. Berdasarkan hasil perhitungan yang menggunakan uji t dengan bantuan SPSS diketahui nilai Sig (2-tailed) adalah sebesar  $0.019 < 0.05$ . dengan ini, dapat disimpulkan bahawa, jika film animasi Nussa berpengaruh terhadap perkembangan empati anak usia dini di Taman Kanak-Kanak Pembangunan Laboratorium UNP seperti anak kawannya yang sedang bersedih, memaafkan dan meminta maaf ketika melakukan kesalahan, mengucapkan terima kasih serta menghargai kemampuan atau hasil karya kawannya.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh (Wiranti, 2015) bertujuan untuk mengetahui pengaruh penggunaan filem animasi terhadap motivasi belajar pada anak kelompok B TK Islam Tunas Melati Yogyakarta. Penelitian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Hasil dari kajian menunjukkan terdapat pengaruh penggunaan filem animasi terhadap motivasi belajar pada anak kelompok B TK Islam Tunas Melati Yogyakarta. Hal ini dibuktikan dengan hasil perhitungan uji t yang memperoleh nilai p 0,00 lebih kecil dari 0,05.

### **Definisi**

#### **Maksud Animasi Dakwah**

Animasi merupakan satu gambaran sebuah lukisan yang dibuat menggunakan alatan teknologi berkomputer yang digerakkan menjadi sebuah filem berdasarkan hasil daya seni dan kreativiti

manusia (Merriam-Webster, 1996). Dakwah pula bermaksud mengajak atau menyeru sesama manusia melakukan kebaikan, mencegah kemungkaran serta dapat mengubah manusia dari bersikap buruk lebih kearah kebaikan di samping mengamalkan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian (Aziz, 2012). Secara umumnya gabungan perkatann animasi dakwah boleh dimaksudkan sebagai satu hasil gambaran multimedia yang mengajak umat manusia ke jalan Allah (Siti Aisyah, 2016).

### **Islam Adalah Suatu Gaya Hidup**

Bersyukur kepada Allah SWT. kerana kita dipilih untuk menjadi seorang muslim daripada sekian ramai penghuni alam ini. Firman Allah SWT.

*“Wahai Muhammad! engkau tidak mampu untuk memberi hidayah kepada sesiapa pun yang engkau cintai tetapi Allah SWT. menganugerahkan hidayah kepada sesiapa yang dikehendakinya.”*

*(Surah Al-Qasas : ayat 56)*

Nikmat Iman dan Islam adalah sebesar-besar nikmat anugerah Allah kepada kita. Islam adalah bukan sekadar “agama” yang dihayati dan dipraktikkan dalam upacara-upacara tertentu dan bukan juga “agama” yang terbatas kepada tempat-tempat tertentu, bahkan Islam sebenarnya adalah cara hidup. Setiap urusan hidup mestilah diserasikan dengan Islam.

Islam tidak serupa dengan kristian, budha, hindu dan sebagainya. Islam adalah cara hidup yang tidak boleh dan tidak akan serupa dengan agama-agama lain. Hanya agama Islam sahaja yang diiktiraf oleh Allah, manakala agama lain adalah tidak benar belaka. Firman Allah:

*“Sesungguhnya agama (cara hidup) yang benar di sisi Allah SWT hanyalah Islam semata-mata”*

*(Surah Ali Imran: ayat 19)*

Sesiapa yang berlandaskan gaya hidupnya dengan cara yang lain daripada acuan Islam yang berlandaskan syariah, sebenarnya telah mensia-siakan hidupnya samada hidupnya di dunia mahupun di akhirat. Firman Allah SWT. :-

*“Barangsiapa yang mencari selain daripada Islam sebagai cara hidupnya tidak akan diperakui dan tidak akan diakui oleh Allah dan akan termasuk ke dalam orang-orang yang rugi di akhirat kelak”*

*(Surah Ali Imran: ayat 85)*

Banyak alasan mengapa manusia perlu kepada agama Islam. Walaupun akal mereka dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk manusia tetap banyak melakukan kesalahan. Akal tidak dapat menjangkau perkara-perkara yang ghaib seperti roh, malaikat, syurga, neraka dan sebagainya. Firman Allah SWT:

*“dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja”.*

*(Surah Al-Isra: ayat85)*

Islam adalah agama fitrah sesuai dengan sifat semula jadi manusia. Ini dapat dibuktikan segala tuntutan naluri manusia dapat dipenuhi oleh Islam. Selain itu, segala perkara tentang halal dan haram Islam juga telah menetapkan hukum untuk kebaikan seluruh ummat. Al Syahid Hassan

al Banna mengatakan Islam adalah merupakan suatu perutusan (risalah) yang jangka masa panjang meliputi setiap zaman yang mendatang. Pengisian lebarnya mencakupi pelusuk dunia. Ketunjangan dalamnya meraut segala urusan dunia dan akhirat.

### **Omar dan Hanna**

“Omar & Hana” dapat diperkenalkan sebagai satu animasi dakwah pendek hiburan yang berasal daripada Malaysia. Animasi ini diproduksi oleh syarikat Digital Durian Animation Studio Sdn Bhd yang terletak di Cyberjaya, Selangor. Pada Ramadhan 2017 animasi Omar dan Hana musim 1 mula dilancarkan. Animasi ini ditayangkan melalui platform televisyen dan secara percuma melalui YouTube channel Omar & Hana yang mempunyai lebih 5.71M *subsribers*. Pada 2018, “Omar & Hana” mengembara merentasi Selat Melaka ke Indonesia, dan menjadi popular di sana. Ini adalah permulaan perjalanan menakjubkan mereka. Kini, kandungan Omar & Hana melalui saluran YouTube boleh didapati dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia serta TV satelit, ditonton oleh kanak-kanak di lebih 50 negara. “Omar & Hana” teruja untuk meneruskan perjalanan mereka ke lebih banyak bandar dan mendapat lebih ramai kawan di seluruh dunia (Durian, 2022).

Animasi “Omar & Hana” menceritakan tentang kehidupan harian Omar, Hana, bersama keluarga, rakan-rakan dan jiran mereka dalam melakukan aktiviti harian. Omar yang berumur 6 tahun seorang anak yang bijak dan mempunyai sifat ingin tahu, serta berkeyakinan tinggi, manakala Hana berumur 4 tahun merupakan anak yang aktif, berani dan ceria (Rahmat, 2019).

Animasi ini bukan sahaja mengisarkan kegiatan kehidupan seharian Omar dan Hana sebagai umat Islam, tetapi juga menayangkan doa-doa dengan versi berlagu serta mudah untuk diikuti. Di samping itu, animasi ini dicipta agar mudah difahami dan menarik perhatian. Hal ini kerana, sasaran animasi ini ditujukan kepada golongan kanak-kanak supaya mampu menarik minat mereka untuk terpesona dengan pesan dakwah dan mesej-mesej Islam yang disampaikan agar mudah diaplikasikan dalam kehidupan harian mereka. (Teddy & Siti Habzah, 2021).

### **Penerapan Elemen Dakwah di Dalam Animasi “Omar & Hana”.**

Penerapan elemen-elemen dakwah Islam dalam filem atau animasi amatlah penting dalam membina sahsiah diri dan pembangunan jiwa ummah. Anak-anak amat terpengaruh dengan apa yang ditayangkan kepada mereka. Justeru, animasi “Omar & Hana” telah menjadi salah satu platform dalam pendedahan gaya hidup Islam kepada kanak-kanak. Di dalam animasi ini banyak elemen konsep yang dakwah yang telah di tumpukan.

Oleh itu, kajian ini akan menganalisis beberapa episode dan menentukan konsep dakwah yang di sampaikan dalam siri animasi “Omar & Hana”. Antara konsep atau kategori penerapan elemen dakwah yang terdapat dalam animasi ini adalah akidah, akhlak dan syariah.

Berikut adalah analisis elemen dakwah yang terdapat dalam beberapa siri “Omar & Hana”:

#### **Akidah**

Akidah merupakan sesuatu yang dituntut supaya mempercayai dan beriman kepada Allah SWT. Ia menjelaskan perkara-perkara yang di dalamnya mengandungi suatu kepercayaan, keyakinan, syukur, dan tawakal, kepada ajaran Allah Yang Maha Esa (Yunahar, 2011). Episod berkaitan dengan elemen dakwah dalam konsep akidah yang terdapat dalam beberapa siri animasi “Omar & Hana” adalah seperti berikut berikut:

### **Sayang Allah dan Nabi**

Tema “Sayang Allah dan Nabi” satu tajuk daripada siri animasi Omar & Hana. Pada siri ini menceritakan tentang ibu bapa kepada Omar dan Hana membawa mereka pergi bercuti sambil menghayati ciptaan Allah. Semasa dalam perjalanan, mereka menyanyikan lagu yang bertemakan sayang Allah dan nabi agar dapat memupuk kasih sayang kepada Allah yang Maha Esa dan Nabi Muhammad sebagai ikutan. Selain itu, ibu Omar dan Hana menzahirkan kata pujian kepada Allah atas kuasa ciptaan Allah seperti melihat gunung-ganang, salji dan tumbuhan yang menghijau. Ketika dalam perjalanan pulang daripada percutian, ibu, bapa, Omar dan Hana menyanyikan lagu yang mempunyai lirik *Laila ha illa Allah*. Aktiviti nyanyian ini dapat lagi mendedahkan tentang Akidah orang yang menontonnya bahawa tiada tuhan selain Allah.

Episode ini dikategorikan sebagai konsep akidah kerana di dalamnya terdapat pujian serta kata-kata dan lagu yang meng-Esakan Allah serta menzahirkan kasih sayang kepada nabi Muhammad agar dijadikan contoh teladan. Seperti hadis riwayat Bukhari dan Muslim bahawa salah satu kemanisan iman adalah menyayangi Allah dan Nabi melebihi segalanya. Hal ini menunjukkan bahawa isi kandungan pada episode “Sayang Allah dan Nabi” adalah beriman kepada Allah dan Rasul.

### **Kenal Nabi**

Seterusnya, tema “Kenal Nabi”. Pada tajuk ini menceritakan tentang biodata serta biografi nabi Muhammad dan keluarganya. Pada permulaan cerita, Omar dan Hana berbual bual di ruang tamu mengenai salah silah ahli keluarga mereka. Pada ketika itu, ayah mereka memperkenalkan kepada Omar dan Hana tentang biografi Nabi Muhammad seperti nama-nama ahli keluarga nabi, tempat dan tarikh lahir, umur nabi, tarikh nabi menerima wahyu sehinggalah wafatnya nabi. Hal ini dapat menambah ilmu pengetahuan anak-anak yang menonton. Di samping itu, episode ini mengajak penonton mengenali nabi Muhammad sebagai utusan Allah dengan menyanyikan lagu yang mempunyai melodi yang menarik serta lirik lagu tentang biografi nabi Muhammad agar mudah penonton ingat di dalam minda sehingga lahir rasa cinta terhadap nabi Muhammad.

Episod ini dikategorikan sebagai akidah kerana mengisarkan tentang pendedahan untuk mengenali nabi Muhammad dengan lebih menarik agar dapat memupuk rasa cinta dan beriman kepada nabi Muhammad.

### **Hebatnya Malaikat**

Tema “Hebatnya Malaikat” menceritakan tentang kekuasaan malaikat. Pada permulaan cerita, Omar, Hana bersama rakan-rakan di sekolahnya mengadakan jamuan. Ketika mencari barang di stor, Ustaz Musa mengajak anak muridnya untuk mengemas stor kerana bersepah. Pada Ketika itu, Ustaz Musa menyatakan bahawa malaikat akan mencatat segala amalan baik dan buruk yang kita buat. Jika berbuat baik akan dapat pahala. Setrusnya, Ustaz Musa meberitahu kepada anak muridnya bahawa Malaikat adalah ciptaan Allah yang di ciptakan daripada cahaya, makhluk yang taat dengan Allah dan juga sentiasa ada dengan kita serta malaikat mempunyai sayap yang lebar. Banyak perkara-perkara yang ditanyakan mengenai kehebatan malaikat. Tetapi, di dalam episode ini juga menyatakan bahawa sehebat-hebat malaikat Hebat lagi Allah yang menciptakannya.

Isi kandungan episod ini bersesuaian dengan kategori Akidah kerana menceritakan tentang kelebihan dan tugas setiap malaikat. Hal ini akan menjadikan ketertarikan penonton terutamanya golongan kanak-kanak untuk mengetahui tentang malaikat dengan mendalam.

Ianya akan menambahkan kepercayaan penonton bahawa malaikat itu wujud. Ini bertepatan dengan beriman kepada malaikat.

### **Akhlag**

Akhlag adalah satu perbuatan merujuk kepada sifat semula jadi yang menjadi tabiat atau kebiasaan gaya hidup individu atau sekumpulan individu, sabda Rasulullah s.a.w. dalam Sahih Muslim bahawa orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah mereka yang paling baik akhlagnya (Jimaain, 2015). Episod berkaitan dengan elemen dakwah dalam konsep akhlag yang terdapat dalam beberapa siri animasi “Omar & Hana” adalah seperti berikut berikut:

#### **Kami suka kucing**

Tema “Kami Suka Kucing” merupakan satu kisah tentang berbuat baik atau menyayangi haiwan iaitu kucing. Keluarga Omar dan Hana mempunyai kucing yang bernama Mimi. Bapa Omar dan Hana menasihati Omar dan Hana agar memberikan minuman dan makanan yang sesuai kepada kucing agar tidak sakit perut. Bapa mereka menggalakkan untuk bermain dengan kucing serta menyayangi kucing kerana sesiapa yang menyayangi kucing akan dapat pahala. Selain itu, terdapat lagu yang menarik mengenai kami sayang kucing, ini amatlah mudah untuk diikuti oleh kanak-kanak sehingga akan menjadikan kanak-kanak yang menonton sayang akan kucing.

Oleh itu, episod ini bersesuaian dengan konsep akhlag iaitu keluarga Omar dan Hana menunjukkan akhlag yang baik kepada penonton bahawa berakhlak bukan sahaja terhadap manusia tetapi berakhlak terhadap haiwan juga wajib dijaga seperti memberi makan, minum dan menjaga kucing dengan kasih sayang.

#### **Tolong Mama Papa**

Tema “Tolong Mama Papa” adalah salah satu siri Omar & Hana yang mengisahkan tentang akhlag tolong menolong dan berbuat baik kepada ibu bapa. Pada permulaan cerita, Omar, Hana dan keluarganya pergi ke pasar raya. Dalam, pasar raya, Omar dan Hana menolong bapa dan ibu mereka dengan mengambil dan mengangkat barang ketika membeli belah. Seterusnya, ketika di rumah, Omar menolong bapanya mengemas rumah bersama-sama manakala Hana membantu ibunya memasak di dapur. Ibu bapa Omar dan Hana juga mengucapkan terima kasih sebagai penghargaan membantu mereka.

Episod “Tolong Mama Papa” boleh di kategorikan sebagai elemen dakwah iaitu akhlag. Di dalam episod ini, Omar dan Hana menunjukkan sikap berakhlak mulia terhadap ibu bapa dengan berbuat baik serta bersikap rajin dalam bantu membantu ibu bapa tanpa memikirkan untuk mendapat imbuhan. Seperti firman Allah dalam surah al-Isra ayat ke-23 bahawa Allah memerintahkan supaya berbuat baik kepada ibubapa. Oleh itu, sikap Omar dan Hana boleh dijadikan sebagai contoh akhlag yang baik kepada para penonton.

#### **Izinkan Dulu**

Tema “Izinkan Dulu” adalah mengisahkan tentang mesti menghormati dan meminta izin sebelum mengambil barang orang lain. Pada cerita ini, ketika berada di ruang tamu, bapa Omar dan Hana meminta izin kepada Omar kerana ingin meminjam buku Omar, akan tetapi Omar berkata tidak perlu meminta izin kerana dia adalah bapanya. Lalu bapa Omar dan Hana memberi tahu kepada Omar bahawa dia hormat barang milik Omar serta menasihati Omar agar meminta izin kepada pemiliknya jika mahu meminjam barang yang bukan barang milik kita. Hal ini kerana, Allah suka orang yang saling menghormati. Seterusnya, selepas kawan Omar dan Hana



juga meminjam barang lalu mengucapkan terima kasih kepada pemilik barang. Apabila menghormati orang lain hidup akan gembira.

Oleh itu, siri animasi Omar & Hana yang bertajuk “Izinkan Aku” ini sesuai untuk dikategorikan sebagai dakwah akhlak. Isi kandungan padal episode ini mengajak penonton agar bersama-sama berakhlak mulia dengan menghormati pemilik barang agar sentiasa meminta izin jika ingin menggunakan barang bukan milik kita.

### **Syariah**

Syariat ataupun hukum Islam, bagi umat Islam merupakan jalan yang digariskan Tuhan kepada hamba-hamba-Nya di dalam kehidupan agar sesuai dengan kehendak Tuhan (Syarif, 2016). Ianya merupakan aturan atau ketetapan yang Allah perintahkan kepada hamba-hamba-Nya sama ada dari segi perkataan, perbuatan serta penetapan sesuatu misalnya solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain. Episod berkaitan dengan elemen dakwah dalam konsep syariah yang terdapat dalam beberapa siri animasi “Omar & Hana” adalah seperti berikut berikut:

#### **Hana Puasa**

Tema “Hana Puasa” adalah salah satu siri dalam animasi Omar & Hana yang mengisarkan tentang puasa serta kelebihan-kelebihannya. Pada permulaan cerita, Omar dan Hana berada diruang tamu rumah mereka. Pada ketika itu, Omar mengajak Hana untuk menolong ibu dan ayah mereka mengemas barang-barang diruang tamu dan bilik, namun Hana bermalas-malasan dan menolak dengan menggunakan alasan bahawa dia sedang berpuasa. Lalu Omar berkata kepada Hana bahawa mereka akan melakukan kerja mengemas itu bersama-sama serta memberitahu Hana bahawa sekiranya kita ikhlas berpuasa dan tolong-menolong kita dapat kumpul banyak pahala. Setelah selesai mengemas ruang tamu dan bilik, bapa mengajak mereka menolong ibu memasak, dan sekali lagi Hana menggunakan alasan yang sama bahawa dia sedang berpuasa untuk menolak ajakan itu. Lalu Omar mengingatkan kembali kelebihan puasa kepadanya.

Tema “Hana Puasa” sesuai dikategorikan dibawah elemen dakwah yang berbentuk syariah terdapat pesanan yang mengatakan bahawa jangan bermalas-malasan dan harus bersabar ketika berpuasa. Hal ini kerana, setiap perbuatan baik yang dilakukan ketika berpuasa akan mendapat ganjaran pahala.

#### **Tart Buah Hana**

Tema “Tart Buah Hana” adalah salah satu siri Omar & Hana yang mengisarkan tentang ibadah bersedekah kepada orang lain. Pada permulaan cerita, ibu dan bapa mereka sedang menyiapkan makanan lalu disapa oleh Omar dan Hana. Pada ketika itu, Omar dan Hana bertanya kepada ibu bapanya apakah yang mereka sedang lakukan? Kemudian ibu bapanya menjawab bahawa mereka sedang menyiapkan tart buah, lalu Hana menyatakan bahawa dia sangat sukakan tart buah. Setelah itu, Omar dan Hana menawarkan diri untuk menolong kedua orang tua mereka menyiapkan tart buah tersebut. Ketika menyiapkan tart tersebut, ibu dan bapa mereka menyanyikan sebuah lagu yang berunsurkan sedekah sebagai ibadah. Hana terkejut lantas menyatakan bahawa dia suka tart buah dan tart buah tersebut akan habis jika diberikan kepada orang masjid. Lalu bapanya memberitahu bahawa jika Hana bersedekah tart buah yang dia suka, itu adalah sebaik-baik sedekah.

Tema “Tart Buah Hana” dikategorikan ke dalam kategori syariah yang bersifat muamalah kerana isi pesanan yang terkandung di dalam tema ini mengajarkan kepada kanak-kanak tentang

sedekah atau berbagi kepada orang lain. Apapun yang kita ada atau miliki, jika ianya boleh dibagi atau dikongsi bersama orang lain, maka berbagilah atau berkongsilah. Selain itu, memberi sesuatu yang kita suka merupakan sebaik-baik sedekah.

### **Batal Solat**

Seterusnya, tema “Batal Solat”. Pada tema ini diceritakan tentang Omar dan Hana melaksanakan solat, namun mereka tidak mengetahui syarat-syarat sah solat dan perkara-perkara yang membatalkan solat. Pada permulaan cerita dimulakan dengan ketika bapa Omar dan Hana sedang melintasi sebuah bilik, bapa mereka terdengar suara Omar sedang melaungkan takbir untuk melaksanakan solat bersama rakan-rakannya. Ketika sedang solat, salah seorang dari rakannya Omar dan Hana sedang makan ketika solat. Omar tidak berpuas hati dengan perbuatan rakannya lalu ingin menegur tetapi menggunakan cara yang tidak sopan iaitu dengan bermain-main. Melalui perbuatan itu, seorang lagi rakan perempuannya berkata jangan bergaduh ketika solat. Lantas, bapa mereka perasan akan perbuatan-perbuatan tersebut yang membatalkan solat ketika itu menunggu sehingga mereka menyelesaikan solat. Sesudah itu, bapa memberitahu kepada mereka bahawa solat itu rukun Islam dan kita wajib untuk tunaikannya serta memberitahu kepada mereka perkara dan perbuatan yang membatalkan solat. antara perkara yang membatalkan solat ialah makan ketika solat, bermain-main ketika solat, nampak aurat ketika solat, bercakap ketika solat dan lain-lain lagi. Setelah mendengarkan perkara dan perbuatan batal solat dari bapa, mereka menyedari bahawa mereka semua telah melakukan sesuatu yang membatalkan solat.

Tema “Batal Solat” ini dikategorikan sebagai syariah kerana isi pesanan yang terkandung di dalam video tema ini membimbing dan mengajar penonton tentang perkara dan perbuatan yang membatalkan solat serta memberitahu syarat-syarat sah solat sehingga anak-anak tahu dan akan memperbaiki kesalahan mereka ketika solat dengan sempurna.

### **Pengaruh Animasi Terhadap Pemikiran Kanak-Kanak Dan Kesesuaian Konteks Kandungan Corak Hidup Islam Dalam Filem Animasi Omar & Hana**

Darsawarsa ini, sudah menjadi kebiasaan bahawa cerita animasi sememangnya diciptakan khas untuk golongan kanak-kanak sebagai salah satu cabang hiburan dan informasi. Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kanak-kanak lebih terbuka untuk menerima dan mengikuti sesuatu arahan dan maklumat yang disampaikan melalui cara yang kreatif dan mengandungi unsur-unsur yang berwarna-warni dan boleh menarik minat mereka seperti bercerita. Bahkan, maklumat-maklumat tersebut akan lebih lama disimpan dalam memori akal berbanding dengan info yang disampaikan dalam bentuk formal. Ini bertepatan dan bersesuaian dengan anggapan bahawa kartun animasi sebagai salah satu alternatif bagi menyampaikan maklumat dalam bentuk cerita yang lebih menarik agar lebih mudah mencuri perhatian penonton, terutama kanak-kanak.

Melalui analisis yang dibuat, filem animasi Omar & Hana yang ditayangkan banyak memberi impak yang positif dan teladan kepada kepada penonton terutamanya kanak-kanak. Hal ini kerana, filem animasi Omar & Hana mempunyai jalan cerita yang baik berteraskan gaya hidup Islam dan bermesej positif dimana ia membantu kanak-kanak dalam menghayati dan memahami jalan cerita yang disampaikan sekaligus boleh mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Secara keseluruhannya dari filem Omar & Hana, penceritaan dan gaya bahasa yang baik mampu memberi pengaruh positif kepada kanak-kanak. Hal ini kerana, secara umumnya kanak-kanak pada usia ini mudah meniru perkara yang dapat mereka lihat dan dengar. Antara pengaruh-pengaruh positifnya ialah:

### **Perkembangan Kosa Kata Kanak-Kanak**

Hampir semua kanak-kanak belajar bercakap dengan mendengar dan memerhati situasi dan pergerakan orang di sekeliling mereka. Selain menerapkan komunikasi yang positif dan aktif ketika bersama mereka, kanak-kanak ini juga boleh disokong dengan menayangkan cerita atau filem animasi yang sesuai kepada mereka dimana cerita tersebut mestilah yang sesuai serta bahasa yang digunakan dalam filem animasi tersebut mudah difahami dan ditangkap. Salah satu contoh filem animasi yang sesuai bagi mereka ialah adalah filem animasi Omar & Hana. Seterusnya melalui pendekatan ini, mereka boleh mempelajari perkataan baharu dan dapat membantu mereka menambah kosa kata. Setiap perkataan baru yang mereka pelajari akan kekal dalam ingatan mereka kerana otak dan ingatan mereka masih “segar”. Dalam pada itu, ianya perlulah sentiasa diulang belajar dan diimbas kembali dengan membantu mereka menggunakannya setiap hari.

### **Melatih Cara Pertuturan Kanak-Kanak**

Seperti yang diketahui umum, sebahagian besar cerita-cerita atau filem animasi mempunyai bahasa penyampaiannya yang tersendiri begitu juga dengan filem animasi Omar & Hana. Filem animasi Omar & Hana banyak menyampaikan pesanan dan dakwah secara bernyanyi, bercerita dan berdoa dimana doa tersebut terbahagi kepada dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan juga bahasa Arab. Ini bermakna, aturan ayat yang dilafazkan serta tatabahasa yang digunakan adalah lebih tersusun. Sebagaimana yang dikatakan tadi, kanak-kanak mula belajar bertutur dengan cara mendengar dan memerhati. Secara ringkasnya, filem animasi Omar & Hana menggunakan perkataan yang sangat jelas dan betul serta bersesuaian dengan usia mereka untuk ditonton. Hal ini dapat melatih mereka supaya lebih cepat bertutur dengan sebutan yang betul bagi membantu mereka beradaptasi dengan baik dalam persekitaran kehidupan sekeliling kelak serta dapat melatih otak mereka untuk mengingati apa yang mereka pelajari sama ada di dalam bahasa melayu mahupun bahasa arab.

### **Mengamati, Mempelajari Serta Mempraktikkan Sikap**

Watak-watak dalam kartun animasi Omar & Hana yang dihasilkan di Malaysia kelihatan lebih natural, logik dan banyak berdasarkan realiti kehidupan sebenar yang berteraskan realiti kehidupan Islam yang mengamalkan corak kehidupan seorang Muslim dan budaya serta cara hidup yang baik dan terpuji. Kanak-kanak lebih mudah terpengaruh untuk mengikuti sesuatu perbuatan apabila mereka menyaksikan perbuatan tersebut dengan sendiri. Contohnya pada episod yang bertajuk “Ragam Omar & Hana” dimana Hana seorang kanak-kanak perempuan yang terpengaruh dengan sikap seorang kanak-kanak lain. Walaupun pada cerita tersebut ada mempamerkan sikap negatif yang dibawa oleh Hana pada awalnya kerana terpengaruh dengan sikap seorang kanak-kanak lain, namun ragam watak tersebut telah diperbetulkan dengan teguran tegas oleh ibu bapanya. Menerusi teguran itu, kanak-kanak dapat mengambil iktibar serta mempelajari sesuatu tentang apa yang perlu dipraktikkan dan apa yang tidak perlu dipraktikkan dalam kehidupan. Ringkasnya, rata-rata kanak-kanak yang menonton filem-filem animasi Omar & Hana ini akan mengingati tingkah laku yang mempamerkan sikap yang baik dan terpuji seperti baik hati, tolong menolong, penyabar, pemurah serta banyak lagi. Bukan sahaja itu, filem animasi Omar & Hana juga banyak mengajar dan menyampaikan dakwah dari segi akidah, ibadah, syariah dan akhlak. Animasi-animasi dakwah sebeginilah yang harus ditayangkan kepada kanak-kanak agar sikap positif dapat dipupuk dalam diri mereka sejak kecil lagi.

## Kesimpulan

Secara ringkanya dapat disimpulkan bahawa keseluruhan cerita “Omar & Hana” amatlah sesuai untuk dipertontonkan kepada kanak-kanak kerana sikap-sikap positif yang boleh penonton pelajari dan praktikkan dalam kehidupan. Selain itu, dapatan kajian daripada analisa video, pengkaji mendapati bahawa terdapat elemen-elemen dakwah di dalam animasi “Omar & Hana”, antaranya, syariah, akhlak dan akidah yang dapat dipelajari oleh penonton. Menurut Syeikh Yahya Ibrahim, “Omar & Hana” telah menjadi sebahagian daripada hidup beliau dan anak-anak beliau selama bertahun-tahun. Selain itu, Omar & Hana adalah salah satu sumber pendedahan ajaran Islam, ia bukan hanya keseronokan dan kartun hiburan, malah mereka mempunyai mesej moral, pengajaran pembelajaran Sunnah Nabi dalam kalangan masyarakat muda. Hal ini disokong oleh Mufti Ismail Menk yang mengatakan bahawa “Omar & Hana” adalah alternatif yang amat diperlukan oleh dunia. Anak - anak boleh belajar doa, agama, Quran, Sunah, dan banyak kebaikan daripada membuang masa dengan kartun yang tidak bermakna. Seterusnya, dipersetujui oleh Imam Omar Suleiman yang mengatakan bahawa Omar & Hana adalah satu usaha yang luar biasa, yang dapat dimanfaatkan oleh anak - anak (Durian, 2022). Oleh itu animasi “Omar & Hana” amatlah sesuai untuk di pertontonkan kepada kanak-kanak sebagai contoh dan pendedahan awal gaya hidup Islam di dalam kehidupan anak-anak. Ibu bapa perlulah sentiasa mengawal dan memainkan peranan dalam membentuk generasi akan datang dengan berpegang kepada akidah dan ajaran Islam yang benar.

## References

- Aridlo, M. A. (2020). Teknik Penyampaian Pesan Akhlak Mahmudah Dalam Film Animasi Omar Dan Hana. ix.
- Arief, R., & Ismi, N. (2018, November). Dakwah Melalui Film Animasi. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 9(2), 29-42.
- Aziz, M. A. (2012). Imu Dakwah. *Kencana*.
- Durian, D. (2022). *The World of Omar & Hana*. Retrieved December 10, 2022, from Omar & Hana: <https://omarhana.com/our-story/>
- Jimaain, S. (2015, December 2). *Akhlak Siri 2: Pengertian Akhlak*. Retrieved December 18, 2022, from People UTM: <https://people.utm.my/ajmain/2015/12/02/akhlak-siri-2-pengertian-akhlak/>
- Julia, M. (2021). Pengaruh Menonton Film Animasi Omar Dan Hana Terhadap Peningkatan Pengetahuan Keagamaan Anak Di Kelurahan Grogol Utara Jakarta Selatan.
- Maulani, A. N. (2019). Analilis Isi Pesan Edukasi Dalam Serial Animasi Omar Dan Hana.
- Merriam-Webster. (1996). *United States: An Encyclopedia*. Retrieved November 25, 2022, from Online Dictionary.
- Mohd Hamdan, H. A. (2015). Peranan Media Massa Memartabatkan Integriti Nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2, 57-74.
- Muhammad Iqbal, R. F. (2020). *Pesan Dakwah dalam Filem Omar dan Hana (Analisis Framing Robert Entman)*. Raden Intan Lampung: Universitas Islam Negeri.
- Nareswuri. (2021). Nilai-Nilai Pendidikan Akhlaq Dalam Lirik Lagu Film Animasi Omar dan Hana. *Program Studi Pendidikan Islam Anak Usia Dini*, 1-108.
- Noradilah, A. W., Mohd Sani, I., & Rossidi, U. (2018). Kandungan Bahan Dalam Media Massa Yang Menarik Minat Pelajar. Kajian Di Smk Daerah Pasir Puteh, Kelantan. *Asian People Journal (APJ)*, 1(2), 84-91.
- Rahmat, F. (2019). Analilisis Pesan Dakwah Dalam Filem Animasi Omar Dan Hana. *Universiti Islam Negeri ar-Raniry*, 1-133.
- Sari, L. P., & Yaswinda. (2022). Pengaruh Film Animasi Nussa Terhadap Empati Anak Usia Dini Di Taman Kanak-Kanak. *JCE (Journal Of Childhood Education)*.

- Sharipah, N. M., Isyaku, H., Noor, R., Siti, Z., & Rosdi, Z. (2021). Implicature Analysis of Value Elements in Omar and Hana Music Animated Cartoon. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(6), 3557-3566.
- Siti Aisyah, Y. A. (2016). Elemen Dakwah dalam Siri Animasi Ummi: Ceritalah pada Kami. *Jurnal Usuluddin* 44, 85-116.
- Syarif, N. (2016). Syariat Islam dalam Perspektif Negara Hukum berdasar Pancasila . *Pandecta*, 172.
- Teddy, K., & Siti Habzah, D. (2021, August). Metode Dakwah Dalam Konten Omar Dan Hana Di Channel Omar Hana. *At Tawasul: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 1(1), 31-42.
- Ulfa, N. A. (2019). Analisis Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Film Omar & Hana Karya Astro Malaysia. XII.
- Wiranti, I. W. (2015). Pengaruh Film Animasi Terhadap Motivasi Belajar Pada Anak TK. *Artikel Jurnal Skripsi*.
- Yunahar, I. (2011). *Kuliah Akidah Islam*. Yogyakarta: LPPI (Lembaga Pengkajian dan pengamalan Islam).
- Digital Durian. (2017, June 23). Lagu Kanak-Kanak Islam | Sayang Allah dan Nabi | Omar & Hana [Video file]. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=QJlabBO1gPE>
- Digital Durian. (2017b, September 12). Lagu Kanak-Kanak Islam | Tolong Mama Papa | Omar & Hana [Video file]. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=Iy2Lgc93jFY>
- Digital Durian. (2017c, September 18). Lagu Kanak-Kanak Islam | Kami Suka Kucing | Omar & Hana [Video file]. Retrieved from [https://www.youtube.com/watch?v=xCrqQyMh\\_Jo](https://www.youtube.com/watch?v=xCrqQyMh_Jo)
- Digital Durian. (2019, May 31). Kisah Omar & Hana | Tart Buah Hana [Video file]. Retrieved from [https://www.youtube.com/watch?v=bh-UOz7r\\_Us](https://www.youtube.com/watch?v=bh-UOz7r_Us)
- Digital Durian. (2020, April 25). Omar & Hana | Hana Puasa | Lagu Kanak-Kanak Islam [Video file]. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=Paopkoa0da8>
- Digital Durian. (2020b, August 22). Omar & Hana | Kenal Nabi | Lagu Kanak-Kanak Islam [Video file]. Retrieved from [https://www.youtube.com/watch?v=HD9Zwfrn2\\_o](https://www.youtube.com/watch?v=HD9Zwfrn2_o)
- Digital Durian. (2020, October 31). Omar & Hana | Batal solat | Lagu Kanak-Kanak Islam [Video file]. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=PHmNuP7HKJI>
- Digital Durian. (2021, April 23). Hebatnya Malaikat | Omar & Hana Kisah Kanak-Kanak [Video file]. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=fr6FKRF-3QQ>
- Digital Durian. (2022, August 30). Izinkan Dulu | Kisah Kanak-kanak Islami | Omar & Hana [Video file]. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=gKVAYecNtM>